



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

ISU VIRAL BUAH NANAS DIDAKWA MENGANDUNGI SIKLAMAT

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) ingin merujuk kepada isu buah nanas kecil yang viral di media sosial yang didakwa mengandungi bahan pemanis tanpa zat siklamat. Buah nanas kecil tersebut dikenali sebagai “baby nanas” dan pernah viral pada tahun 2017 dan 2019. Kenyataan akhbar berhubung perkara ini pernah dikeluarkan pada 31 Mei 2019.

Siklamat adalah sejenis pemanis tanpa zat yang memberikan rasa manis 30-50 kali lebih daripada gula sukrosa. Menurut *Codex General Standard for Food Additives* (GSFA), siklamat adalah dibenarkan ditambah dalam makanan tertentu seperti jem, jeli, dan marmalad, produk koko dan hasilan coklat termasuk sapuan koko dan coklat sebatian serta minuman berperisa. Namun siklamat tidak dibenarkan ditambah di dalam buah-buahan segar termasuk yang telah dikupas atau sedia dimakan. Peraturan-Peraturan Makanan 1985 turut tidak membenarkan penambahan siklamat pada buah-buahan segar.

KKM melalui BKMM telah meningkatkan pemantauan buah nanas di pasaran tempatan semenjak tahun 2017 dan bermula 2021 telah mengenakan pemeriksaan Tahan, Uji dan Lepas (TUL) ke atas “baby nanas” (kulit berkupas) yang diimport masuk ke dalam negara. Sehingga kini, sebanyak 115 sampel buah nanas telah diambil bagi tujuan analisa pelbagai parameter. Sebelas (11) sampel didapati mengandungi siklamat dan telah disabitkan kesalahan dengan jumlah denda RM 8,500.

KKM akan meneruskan pemantauan ke atas buah nanas di semua pintu masuk negara dan pasaran tempatan bagi memastikan ianya mematuhi Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya. BKMM juga turut bekerjasama dengan Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia bagi perkongsian data pemantauan nanas yang dijual di pasaran tempatan.

Seksyen 13(B) Akta Makanan 1983 memperuntukkan tiada seorang pun boleh menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang diadukkan dengan mengandungi apa-apa bahan penambahannya tidak dibenarkan di bawah Akta Makanan 1983 atau peraturan-peraturan di bawahnya. Sesiapa yang didapati melanggar peruntukan ini adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Oleh itu peniaga diingatkan tidak mengadukkan atau menjual buah “baby nanas” yang terdapat siklamat.

KKM sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara-perkara yang boleh mengancam kesihatan pengguna. Sekiranya pengguna mempunyai kemusykilan berhubung isu buah “baby nanas” tersebut, pengguna boleh

menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau melalui laman sesawang <http://moh.spab.gov.my> atau facebook Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) www.facebook.com/bkkmhq .

Sekian, terima kasih.

**NORRANI BINTI EKSAN
PENGARAH KANAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

1 NOVEMBER 2022